

03/05/2001

Arahan bayar hutang mampu jana ekonomi

KELEWATAN bayaran dibuat kepada kontraktor serta pembekal projek kerajaan seakan-akan sudah dianggap lumrah. Mungkin kerana itu juga, tidak ramai kontraktor yang berani memasuki tender kerajaan kerana jangkaan kelewatan mendapat bayaran yang seterusnya menjejaskan modal pusingan mereka untuk melaksanakan projek lain pula. Keadaan ini secara tidak langsung menimbulkan persaingan tidak sihat dengan hanya syarikat besar membolot projek kerajaan, manakala selebihnya terpaksa berpuas hati dengan projek kecil-kecilan. Namun, ketidakseimbangan itu mungkin dapat diatasi secara beransur-ansur berikutan arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin supaya semua kementerian menyelesaikan segera hutang tertunggak kepada kontraktor. Ia seharusnya memberi kelegaan, terutama kepada kontraktor Bumiputera untuk kekal bersaing.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Perdana Menteri, pembayaran lebih cepat akan membolehkan kontraktor yang melaksanakan sesuatu projek, dapat meneruskan perniagaan. Dengan wang bertukar tangan di antara kontraktor, sub-kontraktor, pembekal dan pekerja, ia akan membantu menggerakkan ekonomi negara. Di samping itu, arahan terbaru berkenaan harus menjadi isyarat jelas kepada pegawai agensi kerajaan yang bertanggungjawab membuat pembayaran kepada kontraktor dan pembekal agar tidak menangguhkan pembayaran. Tambahan pula, kontraktor memerlukan bayaran secepat mungkin kerana kesukaran mendapat kredit dari pembekal barang berbanding sebelum kegawatan ekonomi pada pertengahan 1997. Pembayaran lebih cepat, termasuk berdasarkan kemajuan sesuatu kerja yang dilakukan, akan dapat mengelakkan lebih ramai kontraktor Bumiputera daripada terpaksa gulung tikar.

(END)